



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 12 MAC 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	FRKL2.0: MEMBUDAYAKAN PENGANGKUTAN AWAM, GAYA HIDUP AKTIF DAN MEMPERKASA WANITA	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2278062	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/local_news/frkl20-promoting-public-transport-active-lifestyles-and-empowerment-of-women-OB12203148	THESUN.MY
	https://www.wilayahku.com.my/frkl2-0-membudayakan-pengangkutan-awam-gaya-hidup-aktif-dan-memperkasa-wanita/	WILAYAHKI.COM.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2278186	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	WOMEN'S DAY 2024 AWARD A PUSH FOR ME TO DO BETTER, SAYS HONOUREE	
	https://www.theborneopost.com/2024/03/11/womens-day-2024-award-a-push-for-me-to-do-better-says-honouree/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	RM43,500 TO BRIGHTEN RAMADAN IN MOSQUES	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/rm43500-to-brighten-ramadan-in-mosques/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	IBU KANAK-KANAK MENGHILANG DICARI JKM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1069019/ibu-kanak-kanak-menghilang-dicari-jkm	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	WARIS BAYI PEREMPUAN DIMINTA HUBUNGI PEJABAT KEBAJIKAN KK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/11/waris-bayi-perempuan-diminta-hubungi-pejabat-kebajikan-kk	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	HAL EHWAL WANITA LEBIH TERURUS JIKA ADA KEMENTERIAN WANITA DI SABAH	
	https://www.tvsarawak.my/2024/03/11/hal-ehwal-wanita-lebih-terurus-jika-ada-kementerian-wanita-di-sabah/	TVSARAAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	LEBIH 1,000 USAHAWAN WANITA MENERIMA BANTUAN KEWANGAN HAMPIR RM23 JUTA DARIPADA SME CORP MALAYSIA	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/11/lebih-1000-usahawan-wanita-menerima-bantuan-kewangan-hampir-rm23-juta-daripada-sme-corp	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	REMAN LELAKI LAKU AMANG SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK DISAMBUNG 7 HARI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1068990/rem-an-lelaki-laku-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak-disambung-7-hari	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/03/11/nepal-lakukan-amang-seksual-disambung-reman-tujuh-hari/	MALAYSIGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

12/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	BAYI DITEMUI MATI DALAM PARIT, POLIS RAKAM PERCAKAPAN DUA INDIVIDU	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1222228/bayi-ditemui-mati-dalam-parit-polis-rakam-percakapan-dua-individu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1069038/bayi-dalam-parit-polis-rakam-percakapan-2-individu	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/polis-rakam-keterangan-dua-individu-kes-bayi-dibuang-dalam-parit/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/03/11/polis-rakam-keterangan-dua-individu-bantu-siasatan-kes-bayi-dibuang-dalam-parit/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/653948/berita/semasa/buang-bayi-polis-rakam-percakapan-dua-saksi	SINARHARIAN.COM.MY



FRKL2.0: MEMBUDAYAKAN PENGANGKUTAN AWAM, GAYA HIDUP AKTIF DAN MEMPERKASA WANITA



Kredit: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

11/03/2024 12:28 PM

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) – Bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa 2024 baru-baru ini, Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dengan usahasama Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menganjurkan program Fit with Rapid KL 2.0 (FRKL2.0).

Selain mempromosi aktiviti fizikal di samping mendorong penggunaan pengangkutan awam, FRKL2.0 bertemakan seni mempertahankan diri turut menjurus kepada pemerksaan wanita dengan menyuntik tips dan kemahiran sebagai lanjutan kepada kempen Anti-Gangguan Seksual (AGS).

Selaku pengendali perkhidmatan pengangkutan awam Rapid KL, Prasarana sentiasa menitikberatkan keselamatan dan keselesaan semua penumpang, agar pengangkutan awam dapat dijadikan sebahagian daripada gaya hidup warga kota.


"Program FRKL2.0 ini merangkumi demonstrasi seni mempertahankan diri, sesi taklimat perlindungan diri wanita dan juga aktiviti fizikal Piloxing, satu senaman kecergasan dinamik oleh jurulatih bertauliah," menurut Prasarana dalam kenyataan.

Program yang diadakan di Stesen MRT Kampung Batu itu turut dihadiri Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Mohd Azharuddin Mat Sah.

Program FRKL2.0 itu turut mendapat penyertaan dari kalangan pengguna pengangkutan awam dan pengikut media sosial Rapid KL, di samping kerjasama daripada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRTC).

Untuk rekod Program Fit with Rapid KL adalah acara tahunan yang dianjurkan buat pertama kalinya tahun lepas dan menerima sambutan yang sangat positif daripada penumpang serta pengikut media sosial Rapid KL.

Program tahun ini turut mendapat tajaan syarikat minuman terkemuka tempatan Hausboom, dan jenama penjagaan kulit utama tempatan Superskin.



Women's Day 2024 award a push for me to do better, says honouree

BY JUDE TOYAT ON MARCH 11, 2024, MONDAY AT 8:01 AM

SARAWAK



Anwar and Nancy, on his right, in a stage photo-call with Manjeet and other award honourees during the national-level International Women's Day 2024, at Sunway Pyramid Convention Centre in Petaling Jaya. — Bernama photo

KUCHING (March 11): Local social activist Manjeet Kaur Sidhu was beyond ecstatic upon knowing that she would be among the award honourees of this year's national-level International Women's Day celebration.

The 54-year-old founder of the non-governmental organisation (NGO) Pertubuhan Pembangunan Insan Sarawak (PPIS) received the 'Anugerah Kasih Wanita Harmoni' at the grand event held in Sunway Pyramid Convention Centre in Petaling Jaya last Friday.

Presenting the award was Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who was accompanied on stage by Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

The honour meant to recognise Manjeet's unwavering commitment to community well-being, regardless of ethnicity, and also her active engagement in many charity work and community activities.

"It was truly an honour, but also a humbling experience.

"This award is not just a recognition of my efforts, but also a celebration of the collective work that we have undertaken towards enhancing harmony and well-being in our community.

"It feels immensely gratifying to see our hard work being acknowledged at such a prestigious level, especially by the Prime Minister, and this motivates me to continue making a positive impact," Manjeet, a former Kuching South City Council (MBKS) councillor, told The Borneo Post here.

The recipient of the 'Women Social Activist Award' at the state-level Women's Day celebration here last year, also talked about her experience witnessing the struggles of stateless and underprivileged families in Sarawak, which she regarded as 'a significant turning point' in her life.

"These experiences fuelled my determination to address the root causes of such challenges."

She added that working together with her team and forming strategic partnerships were also crucial moments that had enabled her organisation to expand its impact and reach a broader audience.

Empowering women, nonetheless, remained the central focus of her mission.

In this regard, she stressed the importance of collective efforts and thus, she envisioned creating platforms and networks that would provide women with the necessary tools, resources and support for them to make meaningful impacts on their communities.

"Mentorship programmes, educational initiatives and community engagements are key components of my strategy."

Manjeet acknowledged the presence of challenges such as social stigma, bureaucracy and issues in securing sustainable funding, but she would always focus on resilience and perseverance.

"Undoubtedly, the path to promoting harmony comes with its share of challenges, but resilience and perseverance, as well as establishing strong alliances, are crucial in overcoming these challenges.

"By maintaining the focus on our mission and adapting the strategies whenever necessary, we're able to navigate through the obstacles and continue our work effectively," she said.

The PPIS, under Manjeet's leadership, has undertaken a multitude of impactful initiatives, showcasing its dedication to community welfare.

These efforts include providing food aid to the B40 (low-income) groups in the rural areas, holding blood donation drives, conducting medical camps, and addressing the pressing issue of statelessness.



Nura V Lorna Sarawak News 11 March 2024 48 mins ago

RM43,500 to brighten Ramadan in mosques

[Facebook](#) [Twitter](#) [WhatsApp](#) [Telegram](#) [Email](#)



Azizul (fourth left) presents aid to community representative

LUNDU: Tanjong Datu assemblyman Azizul Annuar Adenan has announced RM43,500 to enliven Ramadan celebrations in mosques and prayer halls, continuing the tradition initiated by his late father, Pehin Sri Adenan Satem.

"A total of RM16,000 was allocated to 16 mosques, each receiving RM1,000, while RM12,500 went to 25 village prayer halls, including those in agencies and schools, each receiving RM500," he said during the presentation ceremony of donations to mosques and prayer halls in N3 Tanjong Datu held in conjunction with Ramadan Al-Mubarak today (March 11).

Azizul also pledged an additional RM15,000 from his personal funds to support the initiative.

Moreover he distributed 70 tree saplings, including varieties such as mango and rambutan, to be planted at the homes, mosques, and prayer halls.

The initiative saw Azizul collaborating with Datuk Seri Nancy Shukri, Minister of Women, Family, and Community Development, to deliver the Ramadan contributions throughout the constituency.



Ibu kanak-kanak menghilang dicari JKM

Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my



BAYI perempuan yang kini berusia tiga tahun yang ditinggalkan ibunya, Nur Shafiqah Mohd Faris sejezus dilahirkan di Hospital Port Dickson. FOTO ihsan JKM Port Dickson

Port Dickson: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang mengesan ibu kandung seorang kanak-kanak perempuan yang ditinggalkan di Hospital Port Dickson sejak dilahirkan tiga tahun lalu.

Pegawai JKM Port Dickson Mohammad Taufiq Abdul Rahman berkata, kanak-kanak itu dilahirkan pada Januari 2021 di Hospital Port Dickson.

"Nama ibunya Nur Shafiqah Mohd Faris dan lokasi terakhir dikesan di Muar, Johor dan berbangsa Melayu, warganegara Malaysia.

"Namun kami tiada maklumat bapa kanak-kanak ini, cuma lokasi terakhir ibu di Muar tetapi kami tidak tahu alamatnya.

"Pada waktu itu, ibu kanak-kanak ini masih dapat dikesan namun pada tahun ini, dia ini tidak dapat dikesan bagi tujuan Penyambungan Perintah Kanak-Kanak," katanya.

Menurutnya, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai ibu atau waris kanak-kanak ini diminta hubungi JKM Port Dickson di talian 06-6471920.

Disiarkan pada: Mac 11, 2024 @ 2:35pm



Waris bayi perempuan diminta hubungi Pejabat Kebajikan KK

© 2024-03-11T10:11:22+08:00



WARIS: Pejabat Kebajikan Bahagian Kota Kinabalu meminta waris bayi perempuan yang ditemukan orang awam di Likas supaya tampil menghubungi pihak pelindung.

KOTA KINABALU: Waris seorang bayi perempuan yang ditemukan orang awam di Likas di sini pada 3 Februari lepas diminta tampil menghubungi Pejabat Kebajikan Bahagian Kota Kinabalu.

Pelindung Pejabat Kebajikan Bahagian Kota Kinabalu Sitti Ruhayah Setang berkata, mana-mana pihak yang tahu mengenai kelahiran bayi berkenaan serta mengenali ibu kandung atau waris dimohon menghubungi pihaknya.

Katanya, tindakan itu bagi membantu jabatan mengesan ibu kandung atau waris bayi berkenaan seterusnya membuat keputusan terbaik bagi penempatan dan kebajikan kanak-kanak.

Menurutnya, bayi yang diberi nama Hana Zahra itu memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dari Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (HWKK) Sabah pada 6 Februari 2024.


Beliau berkata, bayi perempuan itu ditemukan kira-kira jam 7.10 pagi dalam keadaan berbalut kain sarung berwarna hijau merah jambu tanpa dokumen pengenalan diri.

"Kanak-kanak itu dihantar ke hospital bagi mendapatkan pemeriksaan dan rawatan lanjut.

"Pada 8 Mac 2024 di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK), kanak-kanak berkenaan diperintahkan untuk diletakkan di bawah jagaan Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah peruntukan Seksyen 30(1)(c)(i) Akta Kanak-Kanak 2001.

"Pelindung juga mendapatkan kebenaran mahkamah pengecualian Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 bagi tujuan membuat siaran akhbar atau media untuk mengesan ibu kandung atau waris kanak-kanak," katanya dalam kenyataan di sini.

Sehubungan itu, pihaknya memohon mereka yang mengenali ibu kandung atau waris bayi berkenaan supaya menghubungi Pelindung Pejabat Kebajikan Bahagian Kota Kinabalu di talian 088-269821.



Datuk Dayang Khatijah Datu Bachtiyal berucap semasa Majlis Makan Malam dan Anugerah Wanita Inspirasi 2024 di Kota Kinabalu, malam tadi. Foto Salasiah (TVS)

Hal ehwal wanita lebih terurus jika ada kementerian wanita di Sabah

By Salasiah Safian #bm, Malaysia March 11, 2024

KOTA KINABALU, 11 Mac: Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Wanita Bumiputra Sabah (IKSnita) mencadangkan kepada kerajaan Sabah supaya mewujudkan kementerian wanita.


Presidennya, Datuk Dayang Khatijah Datu Bachtiyal berkata dengan adanya kementerian tersebut, perihal wanita di Sabah akan lebih diberi perhatian.

"Sebab kita sekarang ini di Sabah, kementerian wanita tidak ada, yang ada jabatan sahaja. Dengan adanya kementerian wanita yang betul-betul mengurus kita ini, kita akan lebih cemerlang, kita akan lebih diberi perhatian," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Majlis Makan Malam dan Anugerah Wanita Inspirasi 2024 bersempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 di sini, malam tadi.

Setakat ini, Sabah hanya mempunyai Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah yang diketuai oleh Haslina Ismail sebagai Pengarah JHEWA.

JHEWA Sabah adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam kemajuan dan pembangunan wanita. – TVS



Lebih 1,000 usahawan wanita menerima bantuan kewangan hampir RM23 juta daripada SME Corp Malaysia

© 2024-03-11T18:49:48+08:00



RIZAL

Oleh Harshini Ananth aRao

KUALA LUMPUR: Seramai 1,065 usahawan wanita telah mendapat manfaat daripada bantuan kewangan berjumlah RM22.6 juta daripada SME Corp Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) pada 2023.

Angka tersebut mewakili hampir 40 peratus daripada jumlah keseluruhan 2,708 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang menerima manfaat daripada program pembangunan PMKS yang dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia pada tahun tersebut, dengan nilai bantuan berjumlah RM92.6 juta.

Kejayaan ini berjaya melepasi sasaran awal SME Corp Malaysia untuk memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus penerima manfaat adalah daripada kalangan usahawan wanita.

Antara program yang memberikan manfaat besar kepada usahawan wanita ialah Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME), di mana 548 peserta atau 48 peratus daripada jumlah keseluruhan peserta (1,142) terdiri daripada usahawan wanita, menerima bantuan bernilai RM1.7 juta.

SME Corp Malaysia juga telah membantu usahawan wanita melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), yang bertujuan menggalakkan golongan belia menceburi bidang keusahawanan. Daripada 555 peserta yang diluluskan geran perniagaan berjumlah RM10 juta, separuh daripadanya (50 peratus) adalah belia wanita, iaitu seramai 280 peserta yang telah diluluskan geran perniagaan berjumlah RM4.3 juta.

Selain itu, SME Corp Malaysia turut melaksanakan Program Pengukuhan Eksport PMKS yang bertujuan meningkatkan keupayaan praekspert PMKS serta menambah bilangan PMKS yang berpotensi menembusi pasaran global. Sebanyak 121 PMKS milik wanita telah mendapat kelulusan berjumlah RM3.3 juta.

Program lain yang mencatatkan penyertaan memberangsangkan daripada usahawan wanita termasuk Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP), Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP), dan Geran Perniagaan Mikro (GPM), yang berjaya memanfaatkan lebih 100 usahawan wanita dengan kelulusan geran bernilai lebih RM12 juta bagi tujuan pembangunan kapasiti perniagaan mereka.


"SME Corp Malaysia kekal komited untuk membantu usahawan wanita dengan menyasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus penerima manfaat bagi inisiatif dan program yang dilaksanakan adalah usahawan wanita.

"Bagi tahun 2024, sebanyak RM134.6 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan program. Kami menyasarkan lebih 16,700 PMKS bakal menerima manfaatnya pada tahun ini, termasuklah usahawan wanita, sejajar dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI yang lebih saksama, inklusif dan mampan".

"Pada tahun ini juga, SME Corp Malaysia akan kembali menganjurkan Anugerah Enterprise 50 (E50), iaitu program anugerah berprestij yang mengiktiraf pencapaian 50 PMKS terunggul di Malaysia.

"Bagi mengiktiraf pencapaian dan sumbangan usahawan wanita, salah satu Anugerah Khas yang telah diwujudkan di bawah Anugerah tersebut adalah Anugerah Usahawan Wanita Terbaik E50," kata Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia Rizal Nainy.

Bagi mempermudah PMKS memohon bantuan yang ditawarkan, mereka boleh memanfaatkan permohonan secara dalam talian melalui Sistem Bersepadu Penarafan & Insentif PMKS (MyBPI) yang baru diperkenalkan tahun ini. Maklumat lanjut berkenaan program serta inisiatif yang disediakan boleh diakses di laman sesawang SME Corp Malaysia.



Reman lelaki laku amang seksual terhadap kanak-kanak disambung 7 hari

Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan


Georgetown: Reman bagi lelaki warga asing yang dipercayai melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak perempuan berhampiran Kompleks Bukit Jambul di sini, disambung tujuh hari.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Razlam Ab Hamid berkata, permohonan terhadap lelaki berusia 30-an itu dibuat selepas tempoh reman selama tiga hari berakhir hari ini.

"Tempoh reman suspek dilanjutkan selama tujuh hari bermula esok hingga 18 Mac ini," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan penahanan lelaki warga Nepal, dipercayai melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak perempuan berhampiran Kompleks Bukit Jambul di sini, Khamis lalu.

Disiarkan pada: Mac 11, 2024 @ 1:44pm



TAJUK : POLIS RAKAM PERCAKAPAN DUA INDIVIDU

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 MAC 2024

M/SURAT : 03

ZONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

BAVI perempuan ditemui mati di dalam parit berhampiran tapak pembinaan Hospital Baharu Seri Iskandar.



BAYI DITEMUI MATI DALAM PARIT

Polis rakam percakapan dua individu

Seri Iskandar: Polis sudah merakam percakapan dua individu berhubung kes bayi perempuan ditemui mati di dalam parit berhampiran tapak pembinaan Hospital Baharu Seri Iskandar, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Hafezul Helmi Hamzah berkata, kedua-dua individu itu ialah pengadu dan

saksi yang menjumpai bayi dipercayai baru dilahirkan itu.

Katanya, tindakan itu diambil berdasarkan Seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ).

"Setakat ini suspek belum dikenal pasti. Pihak polis akan melihat daripada segala sudut termasuk rekod perubatan klinik kesihatan ibu dan anak.

"Polis juga mendapatkan rakaman video litar tertutup (CCTV) dari premis berhampiran lokasi kejadian," katanya.

Beliau berkata, hasil bedah siasat yang dijalankan di Hospital Changkat Melintang, Bota pada pagi semalam mendapati kematian bayi malang itu tidak dapat dipastikan.

Kelmarin, media mela-

porkan polis dimaklumkan berkenaan penemuan bayi tanpa pakaian dan disyaki telah dipotong tali pusat itu pada 3.15 petang.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian berhubung dengan pegawai penyiasat kes, Inspektor Mohamad Zulkarnain Jusoh di talian 013-9740294 untuk membantu siasatan.



Bayi ditemui mati dalam parit, polis rakam percakapan dua individu

Oleh Muhamad Lokman Khairi - Mac 11, 2024 @ 3:18pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan

SERI ISKANDAR: Polis merakam percakapan dua individu berhubung kes bayi perempuan ditemui mati di dalam parit berhampiran tapak pembinaan Hospital Baharu Seri Iskandar, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintenden Hafezul Helmi Hamzah, berkata kedua-dua individu terbabit ialah pengadu dan saksi yang menjumpai bayi dipercayai baru dilahirkan itu.

Menurutnya, tindakan itu diambil berdasarkan Seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ).

"Setakat ini suspek belum dikenal pasti. Pihak polis akan melihat dari segala sudut termasuk rekod perubatan klinik kesihatan ibu dan anak.

"Polis juga mendapatkan rakaman video litar tertutup (CCTV) dari premis berhampiran lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, hasil bedah siasat yang dijalankan di Hospital Changkat Melintang, Bota pagi tadi mendapati kematian bayi malang itu tidak dapat dipastikan.

"Bagaimanapun, punca sebenar kematian masih dalam siasatan," katanya.

Semalam, media melaporkan polis dimaklumkan berkenaan penemuan bayi tanpa pakaian dan disyaki telah dipotong tali pusat itu pada 3.15 petang.

Hafezul Helmi berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan dan meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian berhubung dengan pegawai penyiasat kes, Inspektor Mohamad

Zulkarnain Jusoh di talian 013-9740294 untuk membantu siasatan.



TAJUK : KESEDARAN WANITA TERHADAP INSURANS LEBIH RENDAH

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 MAC 2024

M/SURAT : 24

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kesedaran wanita terhadap insurans lebih rendah

Kuala Lumpur: Kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan ilmu insurans dalam kalangan wanita lebih rendah berbanding lelaki, iaitu lebih 1.7 lebih rendah berbanding golongan itu.

Berdasarkan *Insure or Unsure: Sun Life Insurance Literacy Survey*, wanita mewakili 63 peratus daripada 1,107 responden yang menilai diri mereka sebagai mempunyai pemahaman yang lebih rendah mengenai topik insurans.

Ini menunjukkan wanita lebih cenderung berada dalam kalangan mereka yang kurang perlindungan berbanding lelaki,

menjadikan mereka lebih terdedah kepada kejutan kewangan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Presiden atau Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew, wanita didapati dua kali lebih berkemungkinan tidak mengingati maklumat penting pelan insurans atau

takaful mereka tanpa merujuk kepada polisi atau kontrak mereka.

“Wanita juga didapati dua kali



Raymond Lew

lebih cenderung bergantung kepada ejen untuk memberikan perbandingan dan cadangan pelan berbanding lelaki,” katanya dalam satu kenyataannya.

Berdasarkan tinjau selidik, mendapati hanya 28 peratus daripada 1,107 rakyat Malaysia yakin dengan pemahaman mereka mengenai produk insurans dan takaful, manakala hampir satu pertiga atau 32 peratus tiada perlindungan insurans.

Sebanyak 22 peratus daripada responden menyatakan mereka mempunyai pemahaman insurans yang rendah atau langsung tiada, manakala 50 peratus tidak pasti ilmu insurans dan bergantung kepada orang lain untuk bantuan.

Tinjau selidik itu juga mendedahkan bahawa hampir satu pertiga atau 32 peratus tidak mempunyai perlindungan insurans atau takaful, walaupun 72 peratus daripada responden mengakui peranan insurans atau takaful dalam menyediakan perlindungan kewangan bagi menghadapi kejadian kehidupan yang tidak dijangka.

“Daripada mereka yang tidak mempunyai polisi, 92 peratus berada dalam julat pendapatan bulanan RM5,000 dan ke bawah,” katanya.

Justeru, beliau menyuarakan kebimbangan mengenai tahap literasi insurans yang sering diabaikan dan yang didedahkan melalui tinjauan ini.

“Dalam ekonomi yang sentiasa berubah hari ini, rakyat perlu meningkatkan daya tahan kewangan mereka dengan menimba ilmu dan menguasai kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan kewangan sendiri dan merancang masa depan,” katanya.



TAJUK : PROGRAM PENYERAHAN BANTUAN 'BACK TO SCHOOL' KEPADA ANAK-ANAK POCS

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 12 MAC 2024

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Program Penyerahan Bantuan 'Back to School' kepada anak-anak POCS

MIRI: Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Miri menganjurkan Program Penyerahan Bantuan 'Back to School' kepada anak-anak ahli Persatuan Orang Cacat Sarawak (POCS) Cawangan Miri.

Pusat khidmat itu diketuai Ahli Parlimen Miri Chiew Choon Man bekerjasama dengan Persatuan Prihatin Sibuti dan daerah Miri menganjurkan program Jualan Rahmah di pusat POCS untuk manfaat ahli-ahli dan sukarelawan POCS.

"Program Penyerahan Baucar 'Back to School' bagi memberi baucar kembali ke sekolah kepada 28 kanak-kanak daripada keluarga ahli POCS meringankan beban mereka pada permulaan tahun pembelajaran baharu.

"Manakala Program Jualan Rahmah Bergerak juga diadakan dengan menyediakan barangan keperluan harian pada harga berpatutan untuk membantu meringankan beban ekonomi mereka,"



BANTUAN: Chiew menyampaikan baucar bantuan kepada salah sebuah keluarga sempena program penyerahan baucar 'Back To School' dan perasmian program Jualan Rahmah Bergerak di Rumah POCS Miri, semalam.

katanya.

Menurutnya, dengan memberi baucar kembali ke sekolah dan menyediakan barangan harian berpatutan kepada keluarga orang kurang upaya (OKU) ia diharap dapat membantu meringankan beban mereka terutama ketika anak-anak

bersiap sedia memulakan tahun pembelajaran baharu.

"Selain itu, saya mengagaskan hasrat untuk terus bekerjasama dengan Persatuan Prihatin Sibuti dan daerah Miri meningkatkan kesejahteraan golongan yang memerlukan bantuan," jelasnya.